# PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

## *Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan*

Penunjuk monetari dan kewangan pada suku ketiga mencerminkan perkembangan asas aktiviti ekonomi yang mapan. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, Kadar Dasar Semalaman (KDS) kekal pada tahap 2.70%. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.68 - 2.72%, iaitu pada purata 2.69% pada tempoh 1 Julai - 24 November.

**Purata Wajaran Harian Kadar Antarabank Semalaman**




**Operasi Mudah Tunai BNM**
**(Pada suku tahunan, RM juta)**




Penggabungan tiga buah bank perdagangan dengan syarikat kewangan mereka pada suku ketiga menyebabkan beberapa pelarasan teknikal pada kadar pinjaman asas (BLR) dan kadar pemberian pinjaman purata (ALR) bagi institusi perbankan yang berkenaan. Berikutan

**Kadar Pemberian Pinjaman**
**Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan**
**(purata bagi bulan)**




**Kadar Faedah**

| | S3 03 | S2 04 | S3 04 |
|---|---|---|---|
| | Pada akhir tempoh (%) | | |
| Kadar campur tangan 3-bulan* | 4.50 | | |
| Kadar Dasar Semalaman (KDS)* | | 2.70 | 2.70 |
| Kadar antara bank | | | |
| Semalaman | 2.71 | 2.70 | 2.69 |
| 1 bulan | 2.99 | 2.81 | 2.79 |
| Kadar berian pinjaman asas (BLR) | | | |
| Bank perdagangan | 6.00 | 5.98 | 5.98 |
| Syarikat kewangan | 6.90 | 6.90 | 6.90 |
| Purata kadar pinjaman (ALR) | | | |
| Bank perdagangan | 6.17 | 5.99 | 6.01 |
| Syarikat kewangan | 9.16 | 8.76 | 8.76 |
| Kadar deposit tetap | | | |
| Bank perdagangan | | | |
| 3 bulan | 3.00 | 3.00 | 3.00 |
| 12 bulan | 3.70 | 3.70 | 3.70 |
| Syarikat kewangan | | | |
| 3 bulan | 3.00 | 3.00 | 3.00 |
| 12 bulan | 3.68 | 3.70 | 3.70 |

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (OPR) menggantikan kadar campur tangan 3-bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

pelarasan tersebut, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil, masing-masing pada 5.98% dan 6.90% pada akhir bulan September 2004. Walau bagaimanapun, pelarasan teknikal tersebut telah menyebabkan ALR meningkat sedikit bagi bank perdagangan kepada 6.01%, sementara ALR bagi syarikat kewangan pula kekal tidak berubah pada 8.76% pada akhir bulan September.

## *Pembiayaan kepada sektor swasta kekal mapan*

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan 7.5% kepada RM133.6 bilion pada suku ketiga. Jumlah ini lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang dicatat pada suku pertama dan kedua tahun ini, dan mencerminkan pengeluaran pinjaman bank dan terbitan PDS yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan jumlah terkumpul PDS meningkat pada kadar tahunan 8% pada akhir bulan September (8.2% pada akhir bulan Jun).

**Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal**




**Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan Dan Pasaran Modal**

| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2003 | S3 03 | S4 04 | S3 04 | 2003 | S2 04 | S3 04 |
| **Jumlah pembiayaan kasar** | 492.1 | 124.3 | 127.4 | 133.6 | 9.0 | 8.9 | 7.5 |
| Pengeluaran pinjaman* | 441.6 | 115.9 | 120.0 | 122.7 | 7.3 | 14.8 | 5.8 |
| PDS kasar (tidak termasuk Cagamas) | 42.8 | 6.4 | 6.5 | 9.3 | 60.5 | -46.0 | 45.5 |
| Ekuiti | 7.8 | 2.0 | 1.0 | 1.6 | -41.5 | 66.0 | -20.0 |
| **Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)** | 57.8 | 14.8 | 15.9 | 14.5 | 10.3 | 8.2 | 8.0 |
| Sistem perbankan | 28.1 | 9.6 | 14.1 | 10.9 | 5.9 | 6.4 | 6.5 |
| Baki pinjaman (A) | 21.6 | 8.6 | 13.6 | 9.3 | 4.8 | 6.2 | 6.2 |
| Pegangan PDS | 6.6 | 0.9 | 0.5 | 1.7 | 23.8 | 8.8 | 10.9 |
| PDS terkumpul (B) | 36.2 | 6.1 | 2.3 | 5.2 | 33.4 | 15.4 | 14.0 |
| Memoranda | | | | | | | |
| PDS kasar (termasuk Cagamas) | 51.0 | 10.2 | 7.5 | 12.7 | 40.8 | -41.9 | 25.1 |

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pertumbuhan tahunan bagi kebanyakan penunjuk pinjaman meningkat dengan sederhana pada suku ketiga berbanding dengan suku kedua, disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas yang tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat pada asas tahunan sebanyak 5% (15.8% pada suku kedua), dengan pinjaman disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (37.4% daripada jumlah pengeluaran pinjaman untuk sektor perniagaan), dan sektor borong, runcit, restoran dan hotel (25.8%). Kedua-dua penunjuk hadapan, iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan masing-masing terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka, pada kadar 29.4% dan 10.1% pada suku ketiga.

Pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat pada kadar tahunan 12.8% pada suku ketiga (S2 2004: 29.5%). Peningkatan ini menyumbang kepada pertumbuhan 8.1% dalam pinjaman terkumpul kepada PKS pada akhir bulan September (7.4% pada akhir bulan Jun). Sejumlah RM8.7 bilion telah diluluskan kepada 25,739 akaun PKS pada suku ketiga,

**Penunjuk Pinjaman**

| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2003 | S3 03 | S2 04 | S3 04 | 2003 | S3 03 | S2 04 | S3 04 |
| **Jumlah** | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 227.6 | 62.8 | 70.4 | 76.5 | 4.8 | 7.8 | 32.9 | 21.9 |
| Kelulusan pinjaman | 152.8 | 40.2 | 46.6 | 46.7 | 11.1 | 7.3 | 21.4 | 16.2 |
| Pengeluaran pinjaman | 441.6 | 115.9 | 120.0 | 122.7 | 7.3 | 14.6 | 14.8 | 5.8 |
| Bayaran balik pinjaman | 430.4 | 109.9 | 110.3 | 118.3 | 6.9 | 8.7 | 14.0 | 7.6 |
| Perubahan baki pinjaman * | 21.6 | 8.6 | 13.6 | 9.3 | 4.8 | 5.1 | 6.2 | 6.2 |
| **Di antaranya:** | | | | | | | | |
| **Perusahaan perniagaan** | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 124.9 | 34.0 | 37.9 | 44.0 | -7.7 | -4.2 | 33.4 | 29.4 |
| Kelulusan pinjaman | 77.3 | 20.4 | 23.6 | 22.4 | 12.8 | 7.3 | 18.4 | 10.1 |
| Pengeluaran pinjaman | 303.4 | 79.5 | 82.8 | 83.4 | 7.6 | 17.0 | 15.8 | 5.0 |
| Bayaran balik pinjaman | 299.5 | 77.0 | 76.0 | 83.9 | 8.6 | 10.4 | 14.6 | 8.9 |
| Perubahan baki pinjaman * | -5.2 | 0.4 | 5.4 | -0.4 | -2.4 | -1.0 | 0.2 | -0.2 |
| **PKS** | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 44.5 | 12.1 | 14.5 | 15.2 | -8.6 | t.d. | 49.0 | 25.3 |
| Kelulusan pinjaman | 25.9 | 6.5 | 8.4 | 8.7 | -15.6 | t.d. | 42.1 | 33.7 |
| Pengeluaran pinjaman | 87.1 | 21.9 | 24.8 | 24.8 | 76.0 | t.d. | 29.5 | 12.8 |
| Perubahan baki pinjaman * | 7.4 | 1.5 | 2.9 | 2.2 | 10.0 | 7.3 | 7.3 | 8.1 |
| **Syarikat besar** | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 80.4 | 21.9 | 23.4 | 28.8 | t.d. | t.d. | 25.3 | 31.6 |
| Kelulusan pinjaman | 51.4 | 13.8 | 15.2 | 13.7 | t.d. | t.d. | 8.5 | -1.0 |
| Pengeluaran pinjaman | 216.3 | 57.5 | 58.0 | 58.6 | -7.0 | t.d. | 10.7 | 2.0 |
| Perubahan baki pinjaman * | -12.7 | -1.1 | 2.5 | -2.6 | -8.8 | -5.2 | -3.8 | -4.9 |
| **Isi rumah** | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 98.4 | 28.1 | 32.3 | 31.5 | 20.2 | 25.2 | 34.5 | 12.3 |
| Kelulusan pinjaman | 72.0 | 19.2 | 22.8 | 23.4 | 7.6 | 8.3 | 25.5 | 22.0 |
| Pengeluaran pinjaman | 114.4 | 30.6 | 31.5 | 34.1 | 8.9 | 14.1 | 15.4 | 11.3 |
| Bayaran balik pinjaman | 94.1 | 23.8 | 25.6 | 26.8 | 12.4 | 13.5 | 18.4 | 12.9 |
| Perubahan baki pinjaman * | 26.2 | 7.9 | 8.0 | 10.4 | 12.8 | 12.3 | 13.5 | 14.2 |

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
Sumber: Bank Negara Malaysia

iaitu peningkatan daripada RM8.4 bilion kepada 22,161 akaun PKS pada suku kedua. Satu perkembangan yang penting pada suku ketiga ialah penubuhan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan pada bulan Ogos, untuk menyelaras inisiatif dasar dan memastikan pelaksanaan dasar dibuat secara berkesan bagi pembangunan sektor PKS.

**Berian Pinjaman Bank kepada PKS**




Pembiayaan kepada sektor isi rumah terus menyokong pertumbuhan dalam penggunaan swasta pada suku ketiga. Jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 11.3% (S2 2004: 15.4%). Sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman adalah untuk pembelian rumah kediaman (30.4% daripada jumlah pengeluaran kepada isi rumah), perbelanjaan kad kredit (27.2%) dan pembelian kereta penumpang (23.1%). Sementara itu pengeluaran pinjaman untuk perbelanjaan kad kredit terus berkembang dengan pesat pada kadar tahunan 18%, dengan diimbangi sebahagian besarnya oleh pembayaran pinjaman yang tinggi (pertumbuhan tahunan sebanyak 14.8%). Secara keseluruhan, baki terkumpul bagi pinjaman kad kredit mencakupi 2.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 5.2% daripada

**Pinjaman Mengikut Sektor**

| | Pengeluaran pinjaman | | | | | Baki pinjaman |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada tempoh | | | | Bahagian drpd. jumlah | Bahagian drpd. jumlah |
| | 2003 | S3 03 | S2 04 | S3 04 | | |
| | RM bilion | | | | % | |
| Perusahaan perniagaan | 303.4 | 79.5 | 82.8 | 83.4 | 68.0 | 43.4 |
| Syarikat besar | 216.3 | 57.5 | 58.0 | 58.6 | 47.8 | 26.3 |
| PKS | 87.1 | 21.9 | 24.8 | 24.8 | 20.2 | 17.1 |
| Isi rumah | 114.4 | 30.6 | 31.5 | 34.1 | 27.8 | 50.9 |
| **Mengikut sektor** | | | | | | |
| Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan | 11.1 | 3.1 | 3.7 | 3.5 | 2.8 | 2.2 |
| Perlombongan dan kuari | 1.7 | 0.7 | 0.4 | 0.4 | 0.4 | 0.2 |
| Perkilangan | 110.3 | 27.9 | 30.7 | 31.2 | 25.4 | 12.7 |
| Sektor harta benda yang luas | 78.9 | 21.1 | 21.7 | 22.9 | 18.6 | 40.4 |
| Pembinaan | 27.5 | 7.3 | 7.3 | 7.6 | 6.2 | 6.0 |
| Pembelian rumah kediaman | 35.6 | 9.7 | 9.7 | 10.4 | 8.4 | 25.7 |
| Pembelian harta tanah bukan kediaman | 9.7 | 2.6 | 2.9 | 3.2 | 2.6 | 6.0 |
| Harta tanah | 6.1 | 1.4 | 1.9 | 1.8 | 1.4 | 2.7 |
| Bekalan elektrik, gas dan air | 6.0 | 2.0 | 1.5 | 1.2 | 0.9 | 1.1 |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel | 70.1 | 17.1 | 20.0 | 21.5 | 17.5 | 8.3 |
| Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan | 12.0 | 4.3 | 2.8 | 1.7 | 1.4 | 1.8 |
| Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan | 36.7 | 9.7 | 8.8 | 8.5 | 7.0 | 5.9 |
| Kredit penggunaan | 72.4 | 18.9 | 20.4 | 22.1 | 18.0 | 19.8 |
| Di antaranya: | | | | | | |
| Kad kredit | 30.5 | 7.9 | 8.6 | 9.3 | 7.6 | 2.7 |
| Pembelian kereta penumpang | 24.5 | 6.7 | 7.1 | 7.9 | 6.4 | 13.8 |
| Pembelian sekuriti | 12.9 | 4.0 | 2.8 | 3.2 | 2.6 | 4.0 |
| Pembelian kereta pengangkutan tidak termasuk kereta penumpang | 1.2 | 0.2 | 0.2 | 0.1 | 0.1 | 0.5 |
| Lain-lain | 28.3 | 7.0 | 7.1 | 6.4 | 5.2 | 2.9 |
| **Jumlah** | **441.6** | **115.9** | **120.0** | **122.7** | **100.0** | **100.0** |

Sumber: Bank Negara Malaysia

jumlah pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah pada akhir bulan September (masing-masing 2.6% dan 5.1% pada akhir bulan Jun). Sementara itu, kedua-dua penunjuk hadapan bagi permohonan dan kelulusan pinjaman, meningkat dengan lebih sederhana walaupun kekal mapan berbanding dengan tahap tinggi yang dicatat pada suku kedua, masing-masing pada 12.3% dan 22% pada suku ketiga (masing-masing 34.5% dan 25.5% pada suku kedua).

## *Perkembangan yang mapan bagi wang secara luas*

Pertumbuhan tahunan wang secara luas, M3, meningkat 10.6% pada akhir bulan September 2004. Peningkatan suku tahunan M3 sebanyak RM13.6 bilion pada suku ketiga (+RM9.9 bilion pada S2 2004) adalah disebabkan oleh aliran masuk luaran yang lebih tinggi dalam bentuk penghantaran balik perolehan eksport, aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing (S3 2004: +RM12 bilion; S2 2004: +RM6 bilion), serta peningkatan yang mapan dalam tuntutan ke atas sektor swasta (S3 2004: +RM10.7 bilion; S2 2004: +RM12.2 bilion). M1 terus meningkat pada kadar tahunan, iaitu peningkatan dua angka, mencerminkan perbelanjaan pengguna dan perniagaan yang kukuh[1] .

## *Lebih banyak dana baru diperoleh dalam pasaran modal*

Pada suku ketiga, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal nyata

**Agregat Monetari**




**Penentu-penentu M3**

| | Perubahan pada tempoh | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Tahunan | Suku Tahunan | | | Jan-Sep |
| | 2003 | S1 04 | S2 04 | S3 04 | 2004 |
| | RM bilion | | | | |
| M3 | 48.5 | 18.9 | 9.9 | 13.6 | 42.3 |
| Tuntutan bersih ke atas Kerajaan | 12.9 | -6.0 | -2.0 | -2.5 | -10.5 |
| Tuntutan ke atas sektor swasta | 31.3 | 3.8 | 12.2 | 10.3 | 26.2 |
| Operasi luar bersih * | 20.8 | 33.3 | 6.0 | 12.0 | 51.3 |
| Pengaruh lain | -16.5 | 31.7 | -6.4 | -6.2 | 19.2 |

* Sebelum penilaian semula

[1] Peningkatan M2 yang lebih tinggi disebabkan oleh penggabungan antara tiga syarikat kewangan dengan bank perdagangan yang menyebabkan klasifikasi semula deposit yang disimpan dalam syarikat-syarikat kewangan tersebut. M2 merujuk kepada M1 dan jumlah deposit/instrumen yang memberikan pulangan faedah yang disimpan oleh sektor swasta bukan bank di bank perdagangan dan bank Islam.

lebih tinggi, iaitu sebanyak RM16.9 bilion (S2 2004: RM3.9 bilion). Sentimen pasaran yang bertambah baik dan peningkatan dalam kepentingan pasaran modal sebagai sumber kewangan sektor swasta dicerminkan oleh dana yang tinggi yang diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) dan pasaran ekuiti.

Seperti di suku yang terdahulu, terbitan baru PDS disalurkan terutamanya untuk pembiayaan aktiviti baru (49% daripada jumlah terbitan). Syarikat yang memperoleh dana melalui pasaran PDS adalah terutamanya daripada sektor elektrik, gas dan bekalan air serta sektor perkilangan. Sekuriti berasaskan prinsip Islam mencakupi bahagian yang ketara dalam jumlah terbitan baru PDS yang dikeluarkan pada suku ketiga, iaitu sebanyak 59.2%. Pada asas bersih, dana yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM5.9 bilion, berbanding dengan penebusan bersih sebanyak RM1 bilion pada suku sebelum ini.

Dalam pasaran ekuiti, sentimen pasaran yang semakin pulih sepanjang suku ketiga menghasilkan perolehan dana yang tinggi berjumlah RM1.6 bilion, termasuk RM1.2 bilion yang diperoleh daripada 16 tawaran awal awam. Secara keseluruhan, terdapat 15 penyenaraian baru di Bursa Malaysia dengan satu penyenaraian di papan utama, enam di papan kedua dan lapan di MESDAQ.

Sementara itu, dana yang diterbitkan oleh sektor awam adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM12.6 bilion (RM16.7 bilion pada suku kedua). Sebahagian besar dana diperoleh melalui empat terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Satu perkembangan yang ketara ialah kejayaan penerbitan SKM jangka panjang 15 tahun berjumlah RM2 bilion pada bulan Julai. Selepas mengambil kira penebusan, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada sektor awam adalah sebanyak RM9.4 bilion (S2 2004: RM4 billion).

**Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal**

| | S2 03 | S3 03 | S2 04 | S3 04 |
|---|---|---|---|---|
| | RM juta | | | |
| **Oleh Sektor Awam** | | | | |
| Sekuriti Kerajaan, kasar | 8,132 | 12,632 | 14,763 | 10,389 |
| Tolak Penebusan | 1,500 | 6,800 | 9,700 | 2,000 |
| Tolak Milikan Kerajaan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan | 6,632 | 5,832 | 5,063 | 8,389 |
| Bon Khazanah, bersih | -138 | -183 | -1,000 | -198 |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan, bersih | 0 | 0 | -560 | 740 |
| Bon Simpanan Malaysia, bersih | -2 | -2 | 0 | 0 |
| Bon Simpanan Merdeka, bersih | 0 | 0 | 497 | 495 |
| Dana bersih yang diperoleh | 6,491 | 5,647 | 4,001 | 9,426 |
| **Oleh Sektor Swasta** | | | | |
| Saham | 584 | 2,028 | 969 | 1,663 |
| Sekuriti hutang | 12,911 | 10,165 | 7,498 | 12,718 |
| Sekuriti hutang swasta | 11,966 | 6,370 | 6,463 | 9,268 |
| Cagamas | 945 | 3,795 | 1,035 | 3,450 |
| Tolak Penebusan | 9,602 | 4,472 | 8,558 | 6,865 |
| Terbitan bersih | 3,310 | 5,694 | -1,060 | 5,853 |
| Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas) | 4,135 | 3,754 | 75 | 4,925 |
| Dana bersih yang diperoleh | 3,894 | 7,722 | -91 | 7,516 |
| **Jumlah dana bersih yang diperoleh** | 10,385 | 13,368 | 3,910 | 16,942 |
| Kertas dan nota jangka-pendek, bersih * | -1,437 | -85 | -1,213 | -623 |
| **JUMLAH** | 8,949 | 13,283 | 2,697 | 16,319 |

*Merujuk kepada nota Cagamas dan Kertas perdagangan sahaja.

**Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan**
**(% daripada jumlah)**



### *IK BSKL bertambah kukuh berikutan sentimen pasaran yang positif*

Pada suku ketiga, IK BSKL ditutup lebih kukuh dengan sentimen pasaran yang bertambah baik berikutan pengumuman prestasi pendapatan suku tahunan korporat yang lebih tinggi serta pengumuman Bajet 2005, yang mengandungi langkah-langkah cadangan untuk meliberalkan pasaran modal Malaysia. Secara keseluruhan, IK BSKL meningkat 3.7% kepada 849.96 pada akhir bulan September (819.9 pada akhir Jun). Permodalan pasaran pada akhir suku ketiga meningkat lebih tinggi sebanyak 2.9%, iaitu pada paras RM672.64 bilion (akhir S2 2004: RM653.94), sementara purata urus niaga harian bagi suku ketiga adalah lebih tinggi, iaitu pada paras 333.8 juta unit.

**Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih**

| | Pada akhir suku tahunan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 03 | S3 03 | S1 04 | S2 04 | S3 04 |
| Indeks Harga | | | | | |
| Komposit | 691.96 | 733.45 | 901.85 | 819.86 | 849.96 |
| EMAS | 170.23 | 182.03 | 219.76 | 197.34 | 202.35 |
| Papan Kedua | 108.96 | 122.03 | 135.33 | 117.17 | 108.95 |
| Purata Urus niaga harian | | | | | |
| Jumlah (juta unit) | 286.7 | 644.3 | 650.6 | 332.7 | 338.9 |
| Nilai (RM juta) | 457.2 | 958.1 | 1,328.2 | 714.6 | 659.3 |
| Permodalan Pasaran (RM b) | 532.5 | 572.3 | 724.2 | 653.9 | 672.6 |
| Bil. syarikat yg disenaraikan | 877 | 889 | 923 | 934 | 945 |

Sumber: Bursa Malaysia

**Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Ketiga 2004**




**Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat**

| | Pada suku tahunan | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S2 03 | | S3 03 | | S1 04 | | S2 04 | | S3 04 | |
| | juta unit | RM juta | juta unit | RM juta | juta unit | RM juta | juta unit | RM juta | juta unit | RM juta |
| Urus niaga di antaranya: | 17,776 | 28,349 | 41,877 | 62,274 | 37,737 | 77,036 | 20,478 | 43,964 | 22,031 | 42,852 |
| Papan Utama di antaranya: | 14,421 | 24,648 | 27,849 | 46,225 | 27,626 | 61,454 | 14,826 | 37,062 | 15,494 | 36,763 |
| Barangan Pengguna | 509 | 1,959 | 857 | 2,768 | 1,173 | 3,905 | 782 | 2,605 | 1,154 | 3,149 |
| Barangan Perusahaan | 1,429 | 2,105 | 3,911 | 5,406 | 4,087 | 6,067 | 2,211 | 3,663 | 2,031 | 2,719 |
| Pembinaan | 1,181 | 1,796 | 2,088 | 3,967 | 1,693 | 4,044 | 862 | 1,911 | 1,096 | 1,706 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 3,329 | 9,009 | 5,993 | 14,829 | 5,632 | 19,975 | 3,509 | 12,723 | 4,296 | 13,729 |
| Kewangan | 1,908 | 4,422 | 3,497 | 8,471 | 4,536 | 14,521 | 2,342 | 7,728 | 2,008 | 7,838 |
| Harta benda | 2,942 | 2,210 | 5,215 | 4,567 | 4,159 | 5,145 | 2,155 | 2,978 | 2,230 | 3,560 |
| Perladangan | 307 | 1,129 | 675 | 1,815 | 762 | 3,106 | 539 | 2,779 | 383 | 2,127 |
| Perlombongan | 53 | 92 | 42 | 67 | 43 | 140 | 5 | 30 | 0 | 4 |
| Papan Kedua | 2,685 | 3,377 | 8,069 | 12,103 | 6,258 | 11,249 | 4,018 | 5,468 | 4,014 | 4,130 |

Sumber: Bursa Malaysia

### *Peningkatan dagangan sekunder dalam pasaran bon*

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM69.8 bilion pada suku ketiga (S2 2004: RM43.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh minat yang lebih tinggi dalam pasaran bon, ekoran kebimbangan berhubung dengan kesan kenaikan harga minyak ke atas pertumbuhan dunia. Sepanjang suku, aktiviti dagangan tertumpu pada Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 dan 5 tahun. Dari segi mudah tunai, GII dan bon Khazanah merupakan sekuriti yang paling cair, dengan nisbah mudah tunai masing-masing pada 1.24 dan 0.56.

Kelok hasil ukur rujuk SKM menunjukkan trend ke bawah pada suku ketiga. Kelok hasil ukur rujuk SKM 3 dan 5 tahun masing-masing menurun sebanyak 16 dan 32 mata asas pada penghujung suku ketiga, mencerminkan peningkatan permintaan untuk sekuriti pendapatan tetap, berikutan kebimbangan kesan kenaikan harga minyak kepada prestasi ekonomi global. Pada bulan September, peserta pasaran memberi maklum balas yang positif kepada pengumuman semakan semula bon Cagamas baru dan pengecualian daripada pembayaran cukai pegangan untuk pendapatan yang diterima daripada pelaburan dalam sekuriti Islam dan debentur kepada bukan pemastautin.

**Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/Nilai Terkumpul**




**Arah Aliran Kadar Hasil SKM**




### *Prestasi ringgit*

Pada suku ketiga 2004, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dunia. Ringgit susut nilai berbanding dengan euro memandangkan prestasi dolar AS terjejas akibat kebimbangan pasaran terhadap kesan kenaikan harga minyak ke atas pertumbuhan ekonomi AS. Sementara itu, ringgit naik nilai berbanding dengan yen Jepun. Kebimbangan terhadap kesan

**Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang terpilih**
**Peratus Pertukaran (1 Julai - 30 September 2004)**



**Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih**

| RM kepada satu unit mata wang asing | Pada akhir tempoh | | | | % perubahan sejak * | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 30 Jun 97 | 02 Sep 98 | S2 04 | S3 04 | 30 Jun 97 | 02 Sep 98 | S2 04 |
| Dolar AS | 2.5235 | 3.8000 | 3.8000 | 3.8000 | -33.6 | 0.0 | 0.0 |
| Euro | - | - | 4.5933 | 4.6826 | - | - | -1.9 |
| Paun Sterling | 4.1989 | 6.3708 | 6.8719 | 6.8347 | -38.6 | -6.8 | 0.5 |
| 100 yen Jepun | 2.2088 | 2.7742 | 3.4991 | 3.4264 | -35.5 | -19.0 | 2.1 |
| Dolar Singapura | 1.7647 | 2.1998 | 2.2139 | 2.2475 | -21.5 | -2.1 | -1.5 |
| 100 baht Thai | 9.7470 | 9.3713 | 9.2841 | 9.1644 | 6.4 | 2.3 | 1.3 |
| 100 peso Filipina | 9.5878 | 8.8302 | 6.7640 | 6.7517 | 42.0 | 30.8 | 0.2 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.1038 | 0.0354 | 0.0404 | 0.0414 | 150.5 | -14.6 | -2.6 |
| 100 won Korea | 0.2842 | 0.2827 | 0.3298 | 0.3295 | -13.7 | -14.2 | 0.1 |

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

**Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama**




**Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau**




kenaikan harga minyak juga dirasai oleh negara Jepun memandangkan ekonomi Jepun terlalu bergantung kepada minyak yang diimport. Yen susut nilai berbanding dengan dolar ekoran permintaan terhadap dolar yang meningkat untuk membiayai kos import minyak yang lebih tinggi. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit juga mencatat prestasi yang bercampur-campur.

Walaupun terdapat volatiliti pada kadar pertukaran mata wang negara maju dan serantau, nilai wajaran dagangan ringgit kekal konsisten dengan keadaan asas ekonomi negara.